

BAHASA ORANG ASLI JAHUT: PENELITIAN ASPEK FONOLOGI DAN LEKSIKAL

THE LANGUAGE OF NATIVE PEOPLE IN JAHUT: A STUDY ON THE ASPECT OF PHONOLOGY AND LEXICAL

Nur Faaizah Binti Md Adam¹

Mohd Sharifudin Yusop²

Riduan Makhtar³

¹Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

nur_faaizah88@yahoo.com

²Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia *mosy@upm.edu.my*

³Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *riduan@kuis.edu.my*

Accepted Date: 29 January 2018

Published Date: 15 April 2018

To Cite This Document: Adam, N. F. B. M., Yusop, M. S., & Makhtar, R. (2018). Bahasa Orang Asli Jahut: Penelitian Aspek Fonologi Dan Leksikal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(11), 12-29.

Abstrak: Suku kaum Jahut tergolong dalam suku masyarakat orang Asli Senoi. Kelompok Senoi merupakan kelompok orang Asli yang terbesar, diikuti oleh kelompok Melayu-Proto dan kelompok Negrito. Sejumlah 4 717 orang terdapat di Pahang, khususnya di daerah Temerloh. Sebilangan kecil terdapat di Perak dan Selangor. Manakala, bilangan penduduk suku kaum Jahut di Kampung Pian, Kuala Krau, Pahang yang diperolehi daripada Data Profil Perkampungan Orang Asli Pahang-Daerah Temerloh 2009/2010 ialah seramai 702 orang. Kajian ini dilakukan kerana bilangan penutur Jahut yang kecil menimbulkan keimbangan daripada sudut bahasa memandangkan wujudnya proses dominasi bahasa utama, khususnya bahasa Melayu. Jika usaha pendokumentasian tidak dilakukan dengan segera berkemungkinan bahasa ini akan pupus seterusnya memusnahkankan budaya masyarakat Jahut. Kajian ini memberi tumpuan terhadap aspek bahasa Jahut yang dituturkan di Kampung Pian, Kuala Krau Pahang. Informan terdiri daripada penutur natif suku kaum masing-masing. Fokus utama makalah ini ialah menghuraikan aspek fonologi dan leksikal bahasa suku kaum Jahut berdasarkan pendekatan linguistik struktural. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis data yang diperoleh melalui teknik rakaman dan teknik lafaz. Pentranskripsan akan dilakukan berdasarkan Symbol International Phonetic Alphabet (IPA) bersumberkan data kosa kata bahasa Jahut berdasarkan senarai Swadesh dan kelas kata bertema. Berdasarkan data-data senarai Swadesh dan kelas kata bertema, pengkaji mendapati bahasa Jahut mempunyai 8 fonem vokal dan 20 fonem konsonan. Daripada kosa kata bertema pula pengkaji menemui perbezaan dan persamaan daripada leksikal dan bunyi bahasa Jahut dengan bahasa Melayu. Dalam kosa kata bertema anggota badan khususnya banyak mengekalkan bahasa Jahut sendiri Walau bagaimanapun, terdapat kosa kata yang telah dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Kajian terhadap bahasa orang Asli suku kaum Jahut yang meliputi aspek fonologi dan leksikal ini perlu dilakukan agar struktur bahasa tersebut dapat

dikaji dengan lebih terperinci dan secara tidak langsung dapat memastikan kelangsungan bahasa tersebut agar tidak pupus ditelan zaman.

Kata kunci: Bahasa, Orang asli Jahut, Fonologi, Leksikal

Abstract

The Jahut tribe belongs to the tribe of Orang Asli Senoi (native tribe of Senoi). The Senoi group is the largest native group, followed by the Malay-Proto groups and Negrito groups. A total of 4 717 people are in Pahang, especially in the Temerloh district. A small number is found in Perak and Selangor. Meanwhile, the number of residents of Jahut tribe in Kampung Pian, Kuala Krau, Pahang obtained from the Profile Data Orang Asli Village Pahang-District of Temerloh 2009/2010 is 702 people. This study was conducted because the small number of speakers of the Jahut speakers raised concerns about the language in view of the process of dominating the main language, especially the Malay language. If the documentation effort is not done immediately it is likely that this language will be extinct and further destroys the culture of the Jahut community. This study focuses on the aspects of the language spoken in Kampung Pian, Kuala Krau Pahang. Informants are composed of native speakers of their respective tribes. The main focus of this paper is to elaborate the phonological and lexical aspects of the Jahut tribe language based on the structural phonological theory. The researcher uses a qualitative approach to analyze data obtained through recording techniques and techniques. Transcription will be done based on the Symbol International Phonetic Alphabet (IPA) based on the Jahut language vocabulary data based on the Swadesh list and theme class themed. Based on the data of the Swadesh list and themed word classes, researchers found that Jahut language had 8 vocal phonemes and 20 consonant phonemes. From the thematic vocabulary the researchers found differences and similarities from the lexical and the sound of the language of the Jahut with the Malay language. In the theme-based vocabulary, most of them maintain their own language. However, there is a vocabulary that has been influenced by the Malay language. A study on the language of the native people of Jahut, which covers the phonological and lexical aspects, should be made so that the structure of the language can be studied in more detail and indirectly ensures the continuity of the language so as not to be wiped out of time.

Keywords: Language, Orang asli Jahut, Phonology, Lexical, Structural approach

Pengenalan

Bahasa merupakan cerminan jati diri dan lakaran tamadun sesuatu bangsa. Bahasa memainkan peranan yang penting sebagai alat yang digunakan oleh sesebuah komuniti masyarakat untuk berkomunikasi sesama mereka bagi tujuan menyampaikan dan menerima maklumat. Adalah sukar bagi sesebuah masyarakat itu untuk berhubung di antara satu dengan yang lain tanpa adanya bahasa yang merupakan medium utama dalam proses komunikasi.

Menurut David Crystal dalam Language Death yang menyatakan bahawa kematiian bahasa banyak menimpa bahasa minoriti di dunia ini. Jumlah mereka yang kecil jika dibandingkan dengan penduduk Malaysia yang lain menyebabkan bahasa mereka terpinggir dan dipandang rendah. Adalah dianggarkan bahawa hampir 50% daripada 7000 bahasa dalam dunia akan pupus dalam tempoh 100 tahun. Separuh daripada 3054 bahasa yang menghadapi masalah kepupusan adalah bahasa-bahasa Asia. Manakala, Skeat dan Blagden (1906) menyatakan bahawa bahasa-bahasa masyarakat orang Asli sedang diancam kepupusan terutamanya kerana

mereka sedang berusaha menguasai bahasa Melayu walaupun untuk penggunaan dalam kalangan sesama mereka.

Permasalahan Kajian

Laporan Ethnologue (2005) menyatakan terdapat sejumlah 6912 bahasa di dunia. Daripada jumlah tersebut, 516 menghadapi ancaman kepupusan. Perangkaan menunjukkan bahawa bahasa dunia yang terancam dan bakal menghadapi kepupusan adalah 200 bahasa di Eropah, 1000 bahasa di Amerika (Utara dan Selatan), 2400 bahasa di Afrika, 231 bahasa di Australia, serta di benua Asia dan kawasan Pasifik 3200 bahasa dan daripada jumlah tersebut, 800 bahasa terdapat di Papua New Guinea. David Crystal (2002) pula menyatakan setiap dua minggu bahasa orang Asli akan pupus. Kepupusan bahasa-bahasa Asli ini merupakan sesuatu yang amat membimbangkan. Oleh itu, pengkajian terhadap bahasa Jahut perlu dilakukan agar bahasa kaum minoriti dapat diselamatkan daripada terus hilang begitu sahaja.

Bilangan masyarakat Jahut yang kecil dan kurang juga menimbulkan keimbangan dari sudut bahasa dan budaya memandangkan wujudnya proses dominasi bahasa utama khususnya bahasa Melayu. Proses asimilasi bahasa Melayu terhadap kaum Jahut juga menyebabkan bahasa Jahut dipinggirkan oleh masyarakatnya sendiri. Hal ini berlaku disebabkan kebanyakan mereka sudah menerima pemodenan dan terdedah dengan dunia luar. Masyarakat orang asli Jahut terpaksa belajar menggunakan bahasa luar supaya tidak ketinggalan dalam arus globalisasi yang semakin maju. Media massa adalah salah satu pemodenan yang memberikan pengaruh bahasa Melayu yang kuat terhadap masyarakat Jahut di Pahang.

Oleh itu, kajian terhadap bahasa orang Asli suku kaum Jahut yang meliputi aspek fonologi dan leksikal ini perlu dilakukan agar struktur bahasa tersebut dapat dikaji dengan lebih terperinci dan secara tidak langsung dapat memastikan kelangsungan bahasa tersebut agar tidak pupus ditelan zaman. Hal ini demikian kerana, bahasa merupakan khazanah yang amat tinggi nilainya dan tidak wajar sekiranya bahasa tersebut dibiarkan pupus tanpa ada sebarang inisiatif untuk melestarikannya.

Objektif

Objektif kajian ialah menganalisis aspek fonologi dan leksikal bahasa Jahut. Ciri linguistik bahasa Jahut yang dianalisis ialah vokal, konsonan dan diftong dianalisis menggunakan symbol IPA.

Sorotan Kajian

Kajian tentang kepupusan bahasa minoriti telah banyak dilakukan oleh sarjana di Malaysia. Antaranya ialah Mohd Sharifudin Yusop (2007), Lamsir Bin Asib (2011), Zainal Abidin Masleh (2011) dan Santrol Abdullah (2016). Pengkaji-pengkaji ini telah menghuraikan aspek fonologi dan leksikal, pemilihan bahasa dan tipologi keterancaman bahasa dalam kajian mereka bagi mengenal pasti kedudukan bahasa minoriti yang dikaji sama ada dapat bertahan atau telah mengalami kepupusan. Kajian Mohd Sharifudin Yusop (2007) menunjukkan bahasa Kanaq dan Duano di Johor telah mengalami tanda-tanda kepupusan. Manakala kajian Zainal Abidin Masleh (2011) tentang bahasa Bhuket dan Lahanan di Sarawak menunjukkan bahasa itu akan terus bertahan kerana kehidupan di rumah panjang telah berjaya membentuk sikap positif dan jati diri bangsa yang kental. Seterusnya Lamsir Bin Asib (2011) mengatakan dua faktor pemupusan bahasa Bajau di Kota Belud, Sabah iaitu perkahwinan campur dan sosioekonomi ibubapa. Beliau menegaskan jika tiada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan dilakukan terhadap bahasa Bajau Samah, maka jantung hayat bahasa ini akan terhenti dan mati suatu ketika nanti. Santrol Abdullah pula mengatakan bahasa Vaie di Sarawak dapat bertahan tetapi

usaha pelestarian harus dilakukan dengan segera supaya bahasa ini tidak mengalami ancaman kepupusan pada masa hadapan.

Metodologi Kajian

Pendekatan kualitatif digunakan dalam pengkajian dan penghuraian ciri bahasa orang Asli Jahut. Ciri-ciri yang diteliti ialah leksikon dan sistem bunyi bahasa Jahut di Kampung Pian, Kuala Krau, Pahang. Kaedah-kaedah yang digunakan ialah lafaz dan rakaman dan perpustakaan.

Melalui kaedah rakaman, pengkaji memerhati dan mengawasi setiap perkataan yang disebut serta kedudukan alat artikulasi yang digunakan. Oleh itu pemilihan informan sangat mempengaruhi kelancaran serta ketepatan dapatan. Pastinya usia responden wajar diberi perhatian agar keaslian bahasa terjamin, menetap dalam kumpulan komuniti etnik yang sama sejak kecil lagi dan menggunakan bahasa tersebut dalam komunikasi sehari-hari. Menurut Kent dan Read (2002) aspek jantina dan umur perlu diambil kira kerana secara fisiologinya terdapat perbezaan ketara dalam penghasilan bunyi oleh lelaki dan perempuan. Asmah Omar(2006) menjelaskan kaedah lafaz ini bertujuan untuk memperoleh sebutan yang betul terhadap kata-kata dalam bahasa yang dikaji. Pengkaji menyediakan terlebih dahulu senarai kata yang hendak dilafazkan agar maklumat yang hendak diperolehi tepat dan terancang. Melalui kaedah ini penyelidik dapat menganalisis dapatan terutama aspek fonetik dan fonologi kosa kata melalui rakaman dan ditranskripsikan menggunakan kaedah International Phonetic Alphabet (IPA).

Seterusnya pengkaji menggunakan alat perakam suara dan alat perakam video untuk mendapatkan sumber primer yang tepat. Alat-alat perakam digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang bunyi bahasa orang asli Jahut yang dikaji disamping mendokumentasikan dan mentranskripsi pertuturan beberapa informan yang dipilih daripada suku kaum tersebut. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan bunyi sebutan yang sebenar dalam latar semulajadi dalam bahasa Jahut tanpa pengaruh bahasa lain. Hasil daripada rakaman ini akan digunakan untuk menganalisis sistem bahasa Jahut menggunakan sistem IPA.

Melalui kaedah perpustakaan pula pengkaji dapat mengumpul maklumat yang diperlukan sama ada maklumat tersebut berbentuk am atau empirikal. Data yang terkumpul daripada kajian-kajian berkaitan yang dilakukan sebelum ini oleh pengkaji lain dapat memberikan maklumat asal yang diperlukan (Rohana Yusof, 2003). Maka di sini, kajian perpustakaan yang dilakukan oleh pengkaji adalah dengan mencari sumber-sumber yang bersesuaian dengan tajuk kajian untuk dijadikan bahan kajian dokumen bertulis seperti buku-buku ilmiah, artikel yang diambil daripada keratin akhbar, kertas kerja, jurnal dan majalah. Manakala, kajian-kajian lepas (tesis) pula, didapati terdapat beberapa orang pengkaji telah melakukan terlebih dahulu kajian yang mempunyai tajuk yang hampir seakan sama dengan pengkaji. Kajian tersebut digunakan sebagai rujukan dan landasan bagi memantapkan lagi hasil kerja ini. Kajian-kajian seperti ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji untuk melaksanakan proses kajian ini.

Pendekatan Linguistik Struktural

Fokus kajian struktural adalah penghuraian struktur dalam sesbuah bahasa. Menurut Asmah Omar (1983), asas pengkajian dalam struktural ialah setiap bahasa terdiri daripada satu bentuk yang berbeza dan tugas utama ahli-ahli bahasa ialah untuk mengkaji unsur bahasa bukan sebagai unsur berasingan tetapi sebagai bahagian daripada satu keseluruhan sistem. Manakala, menurut Abdullah Hassan(1989) linguistik struktural merupakan kajian linguistik yang menghuraikan bahasa menggunakan pendekatan pada bahasa itu sendiri berdasarkan ciri formal yang ada dalam sesbuah bahasa, sedangkan linguistik tradisional mengkaji tataran filsafat dan semnatik.

Linguistik struktural juga berusaha mendikripsikan sesuatu bahasa berdasarkan ciri atau sifat khas yang dimiliki oleh bahasa itu. Huraian bahasa yang dilakukan melalui struktural ialah berasaskan kajian-kajian yang dibuat secara empiris ataupun saintifik. Setiap huraian yang dibuat berdasarkan kepada contoh-contoh pertuturan yang telah dikumpulkan dalam satu perhatian. Huraian bahasa berdasarkan kepada struktural ini juga adalah berdasarkan kepada fakta-fakta bahasa yang dapat diperhatikan serta huraian tidak akan dibuat terhadap ciri bahasa yang tidak dapat dilihat.

Menurut Asmah Omar (1983) dan Zaharani(2005) setiap bahasa didunia mempunyai sistem peraturannya sendiri. Peraturan dan sistem dalam bahasa inilah yang membezakan serta menjadi ruukan utama dalam mengidentifikasi antara sesebuah bahasa tersebut. Linguistik struktural yang menjadi salah satu elemen kerangka teori dalam kajian ini akan menghuraikan struktur bahasa Jahut berdasarkan aspek vokal, konsonan, diftong dan leksikal.

Asmah Omar (2001) juga mengatakan transkripsi jenis ini dianggap memadai sebagai satu usaha awal dalam menghasilkan dokumentasi bahasa yang sebelum ini arang dihasilkan serta bahasa yang bersifat lisan dan belum mempunyai sistem tatabahasa yang tersendiri.


Analisis Linguistik Bahasa Jahut

Analisis linguistik ini merangkumi usaha mendokumentasikan leksikon bahasa Jahut serta menghuraikan sistem bunyi membabitkan ciri-ciri fonologi. Data senarai kosa kata bahasa Jahut yang diambil berdasarkan senarai Swadesh dan beberapa kelas kata seperti mandala cuaca, bahagian anggota badan, panggilan dalam keluarga dan sapaan, binatang, tumbuhan, peralatan dan bahagian rumah serta bahagian-bahagian pokok ditranskripsikan berdasarkan International Phonetic Alphabet (IPA)

Aspek Fonologi Bahasa Jahut

Perkara yang akan dibincangkan dalam aspek fonologi adalah mengenai inventori vokal dan konsonan bagi bahasa Jahut. Menurut Abdul Hamid Mahmod (1998) vokal ialah bunyi-bunyi bersuara yang tatkala dihasilkan udara dari paru-paru keluar berterusan melalui rongga tekak dan rongga mulut tanpa sebarang gangguan atau sekatan. Bunyi vokal mempunyai ciri-ciri kelantangan dan kepanjangan. Maksudnya bunyi-bunyi vokal dapat didengar dengan lebih jelas dan lebih panjang daripada bunyi konsonan. Berdasarkan penelitian terhadap sistem bunyi bahasa yang dituturkan dalam bahasa Jahut, pengkaji mendapat terdapat 8 fonem vokal iaitu [i], [e], [ɛ], [a], [ə], [u], [o], [ɔ]. Kedudukan fonem vokal bahasa Jahut dapat dilihat pada rajah di bawah:

- Kedudukan Vokal Bahasa Jahut**



Pengkaji telah mengenal pasti dalam penggolongan fonem vokal mengikut kedudukan lidah, terdapat tiga jenis vokal depan iaitu [i], [e], [ɛ] dan [a]. Terdapat satu vokal tengah iaitu [ə]. Manakala, vokal belakang pula terdiri daripada [u] dan [o] dan [ɔ]. Kehadiran fonem-fonem vokal ini dapat diperjelaskan dalam rajah di bawah:

Kehadiran Fonem Vokal Bahasa Jahut

| Bil | Jenis vokal | Awalan kata | | Tengah kata | | Akhir kata | |
|-----|-------------|------------------|------------------|--------------------------------|----------------------------------|--------------------------|----------------------|
| | | BM | BJ | BM | BJ | BM | BJ |
| 1 | i | pak cik datuk | [ibah] [ita?] | dahi siku | [kənēng] [siku?] | topi sawi | [topi] [sawi] |
| 2 | e | cendawan | [tes] | semut selimut | [les] [gəbar] | apa fikir | [mənde] [fike] |
| 3 | a | adik akar | [ade?] [akar] | mata pelanduk | [mat] [pəlando?] | tuala seluar dalam | [tuwala] [spinda] |
| 4 | ə | telinga | [əntaq] | rambutan leher | [gənte?] [ləne?] | misai | [misayə] |
| 5 | u | | | gigi ribut besar | [ləmun] [bəruwa?] | lembu | [ləmbu] |
| 6 | o | adik ipar | [oy] | ini | [idoh] | tomato | [tomato] |
| 7 | ɔ | api | [ɔs] | kaki rambut ayam kera | [jɔŋ] [sɔk] [pɔk] [bɔy] | cuci | [soɔ] |
| 8 | ɛ | | | bibir nipis | [biber] [mimpes] | | |

Berdasarkan jadual di atas didapati bahawa tidak semua fonem vokal dalam bahasa Jahut dapat ditemui di semua posisi awal, tengah dan akhir dalam sesuatu kosa kata. Kosa kata dalam jadual di atas menunjukkan bahawa fonem vokal belakang [u] sempit tidak hadir pada awal kata tetapi hanya hadir pada tengah kata dan akhir kata. Manakala, fonem vokal [ɛ] tidak hadir pada awal kata dan akhir kata.

Hanya fonem vokal depan sempit [i], fonem vokal belakang sempit [e], fonem tengah separuh luas [ə], fonem vokal belakang separuh sempit [o], fonem [ɔ] dan fonem vokal depan luas a hadir pada semua posisi kata dalam bahasa Jahut.

- **Diftong Bahasa Jahut**

Bunyi diftong melibatkan dua deretan vokal yang hadir serentak. Bunyi ini dihasilkan dengan geluncuran dua bunyi vokal, iaitu dari satu bunyi vokal yang pertama menggeluncur ke bunyi vokal yang kedua. Ini bererti ada dua bunyi vokal yang dibunyikan secara berturut-turut. BJ mempunyai tiga diftong seperti mana yang terdapat dalam BM iaitu ai [ay], au [aw] dan oi [oy].

Berdasarkan penelitian pengkaji, dalam bahasa Jahut juga hanya tiga diftong pada akhir kata iaitu ay, aw dan aw. Fonem diftong langsung tidak hadir di posisi awal kata dan tengah kata

Kehadiran Diftong Bahasa Jahut

| Bi 1 | Jenis Vokal | Awal kata | | Tengah kata | | Akhir kata | |
|---------|-------------|-----------|----|-------------|----|--|---|
| | | BM | BJ | BM | BJ | BM | BJ |
| 1 | ay | | | | | labah-labah tali leher | [luway] [tali? tay] |
| 2 | aw | | | | | menantu hijau | [pesaw] [hijaw] |
| 3 | oy | | | | | adik ipar semalam kelmarin landak | [oy] [pa? doy] [pana? doy] [baloy] |

- **Rangkap Vokal Bahasa Jahut**

Vokal rangkap ialah deretan dua atau lebih vokal yang hadir bertutut-turut dengan menampakkan puncak yang nyata atau rangkap itu menjadi nukleus yang kompleks bagi satu-satu suku kata. Daripada penelitian pengkaji, terdapat tiga ciri-ciri rangkap vokal dalam BJ iaitu. Contoh rangkap-rangkap vokal seperti berikut.

Kehadiran Rangkap Bahasa Jahut

| Rangkap vokal | BM | BJ |
|---------------|---------------|----------------------|
| əi | guruh | [karəy] |
| ei | kening ubi | [cəməmey] [kiyey] |
| ao | sumpit | [bəlaow] |
| ua | lutong | [bu ^w at] |
| ai | tali leher | [tali? tay] |

- **Fonem Konsonan Bahasa Jahut**

Bunyi konsonan terjadi apabila berlaku gangguan atau halangan oleh alat artikulasi terhadap udara yang datang dari paru-paru. Konsonan terdiri daripada konsonan bersuara dan konsonan tidak bersuara. Konsonan bersuara bermaksud konsonan yang terhasil apabila tekanan udara yang keluar dari pepuru menggetarkan pita suara manakala konsonan tidak bersuara adalah konsonan yang terhasil apabila udara dari pepuru tidak menggetarkan pita suara. Bahasa Jahut mempunyai 20 fonem sahaja iaitu [b], [c], [d], [g], [h], [j], [k], [ʔ], [l], [m], [n], [ŋ], [p], [q], [r], [s], [t], [w], dan [y]. Jumlahnya lebih kecil berbanding konsonan bahasa Melayu

Kedudukan Fonem Konsonan Bahasa Jahut

| Daerah sebutan | Bibir | Gusi | Gusi-Lelangit keras | Lelangit Keras | Lelangit lembut | Hentian glotis |
|-----------------------|-------|------|---------------------|----------------|-----------------|----------------|
| Plosif bersuara | b | d | | | g | q |
| Plosif tak bersuara | p | t | | | k | ? |
| Afrikat bersuara | | | | j | | |
| Afrikat tak bersuara | | | | c | | |
| Nasal | m | n | | n | ŋ | |
| Frikatif bersuara | | | s | | | |
| Frikatif tak bersuara | | | | | | h |
| Getaran | | r | | | | |
| Lateral | | l | | | | |
| Separuh vokal | w | | y | | | |

- **Konsonan Plosif**

Terdapat dua bentuk konsonan plosif iaitu bersuara dan tidak bersuara. Bagi bahasa Jahut konsonan plosif bersuara terdiri daripada [b], [d], [g] dan [q]. Konsonan [q] hanya hadir di akhir kata manakala konsonan [b] pula hadir di awal dan tengah kata. Bagi konsonan d dan [g] ditemui dalam semua posisi awal, tengah dan akhir kata. Contoh-contoh sebaran plosif bersuara bahasa Jahut seperti berikut:

Kehadiran Plosif Bersuara

| Konsonan | Awal | | Tengah | | Akhir | |
|----------|-------|---------|--------|----------|-------|-------|
| | BM | BJ | BM | BJ | BM | BJ |
| b | salak | [bəkot] | labu | [labu?] | | |
| d | beruk | [dəŋ] | hidung | [hiduŋ] | tidak | [həd] |
| g | garfu | [garpu] | tangga | [tanga?] | jag | [jag] |
| q | | | | | beri | [oq] |

Terdapat empat konsonan plosif tidak bersuara dalam bahasa jahut iaitu konsonan [p], [t], [k] dan [?] . Konsonan [p] dan [t] ditemui dalam semua posisi iaitu di awal, tengah dan akhir kata. Konsonan [k] hanya ditemui dalam posisi awal kata dan akhir kata sahaja. Manakala, konsonan [?] hanya hadir di tengah dan akhir kata.

Kehadiran Plosif Tak Bersuara

| Konsonan | Awal | | Tengah | | Akhir | |
|----------|----------------|------------------|----------------|----------------------|------------------|---------------------|
| | BM | BJ | BM | BJ | BM | BJ |
| p | panas | [prêt] | dapur | [dapur] | babi | [rap] |
| t | tangan ulat | [tiŋ] [talon] | mertua | [mentuha?] | pulasan | [narat] |
| k | batang | [kərəŋ] | | | kancil tanduk | [pacek] [tanduk] |
| ? | | | cicak duduk | [kə?cek] [ŋə?ŋə?] | dagu kutu | [dagu?] [ce?] |

- **Konsonan Nasal**

Konsonan nasal BJ sama seperti BM, iaitu terdiri daripada empat fonem iaitu [m], [n], [ŋ] dan [ŋ]. Berdasarkan penelitian pengkaji, konsonan [m], [n] dan [ŋ] sahaja yang ditemui di setiap posisi awal tengah dan akhir kata. Manakala, konsonan [ŋ] hadir di awal dan tengah kata sahaja.

Kehadiran Konsonan Nasal

| Konsonan | Awal | | Tengah | | Akhir | |
|----------|------------------------|-----------------------|---------|---------------------|--------|-----------------|
| | BM | BJ | BM | BJ | BM | BJ |
| m | mangkuk | [maŋku?] [məŋku?] | durian | [səmpa?] [səmpa?] | burung | [cem] [tʃem] |
| n | bilik tidur bumbung | [nadəm] [nərabəŋ] | dinding | [dindij] [dindij] | dahan | [dahan] [dahan] |
| p | pisau | [nemkuʷen] [nemkuʷen] | penyapu | [pənapu?] [pənapu?] | | |
| ŋ | rebung | [hərbəŋ] [hərbəŋ] | singa | [siŋə] [siŋə] | angin | [mahəŋ] [məhəŋ] |

- **Konsonan Frikatif**

Dalam BJ konsonan frikatif terdiri daripada dua fonem sahaja iaitu [s] dan [h]. Kesemuanya didapati hadir di semua posisi awal, tengah dan akhir kata.

Kehadiran Konsonan Frikatif

| Konsonan | Awal | | Tengah | | Akhir | |
|----------|----------|---------------------|---------------|-----------------|-------|-----------------|
| | BM | BJ | BM | BJ | BM | BJ |
| s | rusa | [sə?] [sə?] | menantu | [pesau] [pesau] | tebu | [bos] [bəs] |
| | serigala | [səgala?] [səgala?] | buah berangan | [kəsa?] [kəsa?] | semua | [les] [ləs] |
| h | mak cik | [ideh] [ihde] | Tiang | [tihan] [tihən] | debu | [habu?] [habu?] |

- **Konsonan Afrikat**

Konsonan afrikat BJ terdiri daripada dua konsonan, iaitu [j] dan [c] seperti BM. Kedua-dua konsonan ini didapati hadir disemua posisi.

Kehadiran Konsonan Afrikat

| Konsonan | Awal | | Tengah | | Akhir | |
|----------|------------------------------|---|--------|-----------------|--------|-----------------|
| | BM | BJ | BM | BJ | BM | BJ |
| j | jari | [jarik] [jarik] | kijang | [kəjen] [kəjen] | licin | [blaij] [blaij] |
| c | kening tidak ada lebah | [cəməmei] [ciyo?] [ciyo?] [camboŋ] [camboŋ] | udang | Kəcok] [kəcok] | daging | [seo] [səo] |

- **Konsonan Lateral**

Hanya terdapat satu sahaja konsonan lateral BJ iaitu [l]. Konsonan ini hadir pada semua posisi awal, tengah dan akhir kata. Contohnya seperti berikut:

Kehadiran Konsonan Lateral

| Konsonan | Awal | | Tengah | | Akhir | |
|----------|-------------|-----------------|--------------------|------------------------------------|--------------------------|---|
| | BM | BJ | BM | BJ | BM | BJ |
| l | labah-labah | [luwəy] [luwəy] | harimau lembing | [kəla?] [kəla?] [bulus] [bulus] | bakul periuk betis | [bakol] [bakol] [ku?wəl] [ku?wəl] [kahəl] [kahəl] |

- **Konsonan Separuh Vokal**

Konsonan separuh vokal BJ terdiri daripada [w] dan [y]. Kedua-duanya hadir dalam semua posisi awal, tengah dan akhir kata.

Kehadiran Konsonan Separuh Vokal

| Konsonan | Awal | | Tengah | | Akhir | |
|----------|----------|-------|--------------|----------------------|--------------------------------|-------------------------------|
| | BM | BJ | BM | BJ | BM | BJ |
| w | pinggang | [wan] | anjing | [cuwək] | sumpit | [bəlaow] |
| y | neneh | [ya?] | buaya ubi | [bahaya?] [kiyay] | kera landak tali ampaian | [doy] [baloy] [pənabey] |

Aspek Leksikal Bahasa Jahut

Bagi mengkaji aspek leksikal bahasa Jahut, pengkaji menggunakan kosa kata bertema kerana kosa kata ini masih dan selalu digunakan oleh orang asli Jahut. Kosa kata bertema yang dimaksudkan ialah bahagian cuaca, bahagian anggota badan, nama-nama haiwan, peralatan dan bahagian dalam rumah, tumbuh-tumbuhan, panggilan dalam keluarga dan sapaan, pakaian dan perhiasan dan bahagian-bahagian pokok. Kosa kata yang diambil adalah daripada sumber lisan dan sumber bertulis.

- Panggilan dalam Keluarga dan Kata Sapaan**

Dapatkan dari data yang diperoleh, pengkaji mendapati orang asli Jahut masih mengekalkan bahasa tradisi mereka sendiri. Ini terbukti apabila gelaran seperti along, angah, mak uda dan pak usu tidak ditemui dalam kata sapaan orang asli Jahut ini. Contoh gelaran yang mereka masih kekalkan sehingga sekarang ialah neneh [ya?], datuk [ita?], pak cik [ibah], mak cik [ideh], adik lelaki [ade? kon], adik perempuan [ade? kəŋ], cucu [cu?], mertua [məntuha?] dan gelaran untuk adi ipar [oy], gelaran untuk abang ipar [sa?ri?]. Berdasarkan contoh berikut jelas menunjukkan orang asli Jahut mengekalkan jati diri dan identiti mereka tersendiri tanpa dipengaruhi oleh bahasa Melayu walaupun mereka sering bercampur dengan masyarakat Melayu.

Leksikal Panggilan dalam Keluarga dan Kata Sapaan

| Bil | BM | BJ | IPA |
|-----|------------------|----------------|------------------|
| 1 | Kakak | i-um | [i-um] |
| 2 | Abang | i-em | [i-əm] |
| 3 | Datuk | itak | [ita?] |
| 4 | Neneh | yak | [ya?] |
| 5 | Pak cik | ibah | [ibah] |
| 6 | Mak cik | ideh | [ideh] |
| 7 | Sepupu | sepupu | [səpupu] |
| 8 | Adik lelaki | adek kon | [ade? kon] |
| 9 | Adik perempuan | adek keng | [adə? kon] |
| 10 | Anak sedara | iwak sedarak | [iwā? sədara?] |
| 11 | Cucu | cuk | [cu?] |
| 12 | Moyang | yang | [yāŋ] |
| 13 | Cicit | cicit | [cicit] |
| 14 | Menantu | pesou | [pesow] |
| 15 | Mertua lelaki | mentuhak | [məntuha?] |
| 16 | Mertua perempuan | mentuhak | [məntuha?] |
| 17 | Ipar lelaki | ipar lelaki | [ipar ləlaki] |
| 18 | Ipar perempuan | ipar perempuan | [ipar pərəmpuan] |
| 19 | Adik ipar | adek ipar | [ade? ipar] |
| 20 | Abang ipar | i-em | [i-em ipar] |
| 21 | Anak bongsu | iwak bungsuk | [iwā? buŋsu?] |
| 22 | Anak sulung | iwak sulong | [iwā? sulon] |
| 23 | Anak angkat | iwak angkat | [iwā? aŋkat] |
| 24 | Anak bini | iwak kenah | [iwā? kənah] |
| 25 | Anak cucu | iwak cuk | [iwā? cu?] |

| | | | |
|----|-------------------|-----------------|-------------------|
| 26 | Anak dara | iwak duar | [iwaʔ dūwar] |
| 27 | Anak perempuan | iwak keng | [iwaʔ kēŋ] |
| 28 | Anak lelaki | iwak kony | [iwaʔ kōŋ] |
| 29 | Anak teruna | bujeng | [bujeng] |
| 30 | Anak tiri | iwak goi | [iwaʔ gōy] |
| 31 | Ayah | ibek | [ibeʔ] |
| 32 | Ayah angkat | ibek angkat | [ibeʔ aŋkat] |
| 33 | Ayah tiri | ibek goi | [ibeʔ gōy] |
| 34 | Emak | idek | [idəʔ] |
| 35 | Selamat datang | selamat datang | [səlamat dataŋ] |
| 36 | Jumpa lagi | temuk lagi | [təmuʔ lagi] |
| 37 | Apa khabar | ape kabar | [apə kabar] |
| 38 | Selamat pagi | kabar agan | [kabar agan] |
| 39 | Selamat petang | selamat trek | [səlamat trəʔ] |
| 40 | Selamat malam | selamat teduh | [səlamat təduh] |
| 41 | Selamat tengahari | selamat sengat | [səlamat səŋat] |
| 42 | Selamat jalan | selamat tinggal | [səlamat tinggal] |
| 43 | Selamat tinggal | selamat tinggal | [səlamat tinggal] |

• Anggota Badan

Bagi orang asli Jahut hampir keseluruhan perkataan yang berkaitan dengan anggota badan masih bersifat asli dan tidak dipengaruhi bahasa Melayu. Hanya perkataan hidung [hidur] sahaja yang menerima pengaruh bahasa Melayu. Pengkaji mendapati pada keseluruhannya bahasa Jahut masih mengekalkan penggunaan bahasa mereka tersendiri seperti bibir [bibe], gigi [ləmun], lidah[ləntaq], dahi [kənij], rambut [sok], keping [cəməmei], mata[mat], dagu[dagu?], telinga [əntaŋ], leher [ləŋeʔ?], dada [dada?], kuku [cərwes], jari [jari?], siku [siku?], tangan[tin], lutut [koy keruwal], kaki [jong], pipi [pipi?], pinggang [waŋ], peha [blu?], betis [kahel], bulu mata [sok mat], kemaluan lelaki [luwo?] dan kemaluan perempuan [le?]. Berdasarkan contoh yang diberi menjelaskan pengaruh anggota badan yang merupakan bahagian asasi bagi setiap manusia mampu menggambarkan identiti bahasa tersendiri.

Leksikal Bahagian Anggota Badan

| Bil | Bahasa Melayu | Bahasa Jahut | IPA |
|-----|---------------|--------------|---------------|
| 1 | Bibir | biber | [biber] |
| 2 | Gigi | lamuny | [lamup] |
| 3 | Lidah | lenta? | [lənta?] |
| 4 | Dahi | keping | [kənij] |
| 5 | Rambut | sok | [sok] |
| 6 | Kening | cememei | [cəməmey] |
| 7 | Mata | kebes | [kəbəs] |
| 8 | Hidung | hidung | [hidur] |
| 9 | Dagu | daguk | [dagu?] |
| 10 | Telinga | entang | [əntaŋ] |
| 11 | Leher | lengek | [ləŋeʔ?] |
| 12 | Dada | dadak | [dada?] |
| 13 | Kuku | cerues | [cəruwəs] |
| 14 | Jari | jarik | [jari?] |
| 15 | Siku | sikuk | [siku?] |
| 16 | Tangan | ting | [tin] |
| 17 | Lutut | koy keruwal | [koy keruwal] |
| 18 | Kaki | jong | [jɔŋ] |
| 19 | Tumit | tumet | [tumet] |
| 20 | Pipi | pipik | [pipi?] |
| 21 | Pinggang | weng | [wəŋ] |
| 22 | Paha | bluk | [blu?] |
| 23 | Betis | kaher | [kaher] |

| | | | |
|----|--------------------|------------------|--------------------|
| 24 | Bulu mata | sok mat | [sok mat] |
| 25 | Kemaluan lelaki | luwok | [luwo?] |
| 26 | Kemaluan perempuan | lek | [le?] |
| 27 | Ibu jari | idek ting | [idə? ting] |
| 28 | Jubur | liang kiet | [li̯aŋ ki̯et] |
| 29 | Jari kelingking | jarik kelengkeng | [jari? kəlen̩ken̩] |
| 30 | Kerongkong | kerongkong | [keron̩kɔŋ] |
| 31 | Kulit badan | ketuk del | [kətu? del] |
| 32 | Perut | ket | [kət̩] |
| 33 | Pusat | pusat | [pusat] |
| 34 | Puting | puting | [putin̩] |
| 35 | Tapak tangan | tapak ting | [tapak tin̩] |
| 36 | Jari telunjuk | jarik tunjok | [jari? tunjok] |
| 37 | Misai | misaye | [misaye] |
| 38 | Janggut | janggot | [jaŋgot] |

• Pakaian Dan Perhiasan

Salah satu keperluan hakiki yang merupakan keperluan asas setiap manusia ialah pakaian. Manusia memerlukan pakaian dalam kehidupan sehari-hari mereka. Berdasarkan analisis pengkaji, pakaian yang bersifat moden dan bukannya kepunyaan mereka ditemui persamaan dan peminjaman daripada bahasa Melayu contohnya stoking [stoken], tuala[tuwala], gelang[gəlaŋ], topi[topi], kasut[kasut], selipar [səlipar] dan gelang [gəlaŋ]. Penggunaan bahasa melayu ini jelas menunjukkan wujud penyerapan bahasa melayu dalam pertuturan harian orang asli Jahut. Manakala, terdapat juga pakaian dan perhiasan yang masih mengekalkan perkataan nenek moyang mereka seperti kain lampin [jare?], kain berkemban [morn], seputar [bahor], dan pakaian sewang [samban]

Leksikal Pakaian Dan Hiasan

| Bil | Bahasa Melayu | Bahasa Jahut | IPA |
|-----|----------------------------|----------------|------------------|
| 1 | Baju | bajuk | [baju?] |
| 2 | cermin mata | cermin mat | [cərm̩in mat] |
| 3 | Tudung | tudung | [tudun̩] |
| 4 | Skirt | skirt | [skirt] |
| 5 | Kasut | kasut | [kasut] |
| 6 | Selipar | selipar | [səlipar] |
| 7 | Jam tangan | jam ting | [jam tin̩] |
| 8 | Seluar pendek | sluwar sinken | [sluʷal sinken] |
| 9 | Seluar panjang | sluwar cereng | [sluʷal cərəŋ] |
| 10 | Seluar dalam | spinda | [spinda] |
| 11 | Cincin | cincin | [cincin] |
| 12 | Rantai | rantei | [rantey] |
| 13 | Gelang | gelang | [gəlaŋ] |
| 14 | Telefon bimbit | telefon bimbit | [telefon bimbit] |
| 15 | Tuala mandi | tuwala | [tuʷala] |
| 16 | Topi | topi | [topi] |
| 17 | Rokok | ukok | [uko?] |
| 18 | Kain lampin | kaen lampin | [kaeŋ lampin] |
| 19 | Cawat | jerek | [jore?] |
| 20 | Kain berkemban | morn | [morn] |
| 21 | Seputar (ikat kepala) | bahor | [bahor] |
| 22 | Pakaian sewang | pakaian sewang | [pakaian sewaŋ] |
| 23 | Hiasan atas kepala(tiara) | cenol | [cənol] |
| 24 | Baju kurung | bajuk kurung | [baju? kurun̩] |
| 25 | Baju melayu | bajuk melayu | [baju? məlayu] |
| 26 | Cheongsam | cheongsam | [cheongsam] |
| 27 | Sari | sari | [sari] |

| | | | |
|----|---------------|-------------|---------------|
| 28 | T-shirt | bajuk | [baju?] |
| 29 | Baju hujan | bajuk hujan | [baju? hujan] |
| 30 | Songkok | songkok | [soŋko?] |
| 31 | Singlet | baju panas | [baju panas] |
| 32 | Stoking | stoken | [stoken] |
| 33 | Tali leher | talik tai | [tali? tay] |
| 34 | Tali pinggang | talik wang | [tali? wan] |
| 35 | Anting-anting | anting | [anten] |

• Tumbuhan Dan Hutan

Gaya hidup nomad adalah orang asli Jahut sejak turun temurun lagi. Mereka berpindah randah bagi mencari tempat yang sesuai untuk berteduh dan mencari makanan untuk keperluan harian mereka. Oleh itu, mereka telah membentuk perkataan dan leksikon yang tersendiri dalam bahasa mereka bagi mengenali alam ini walaupun tidak lagi hidup secara nomad. Berdasarkan data yang diperolehi, kebanyakan nama tumbuh-tumbuhan masih mengekalkan nama asal dan memaparkan jati diri masyarakat Jahut. Contoh penggunaannya seperti lada [pigo?], buah berangan [kəsa?], salak [bəkot], rambutan [gənte?], durian [səmpa?], cendawan [es], rebung [hərbəŋ], pulasan [nərat], keledek [sila?] keladi [birah], ubi [kiyei], tebu[bos], dan pisang [ciyak]. Walau bagaimanapun, terdapat juga perkataan yang mempunyai persamaan dan kemiripan dalam bahasa Melayu seperti sawi[sawi], salad[salad], tomato [tomato], terung [tərung], timun[timun], pegaga[pəgaga], lobak[lobak], bayam[bayam], saderi[sederi], petai[petai], jagung[jagun], cempedak[cəmpədak], labu[labu?], jambu [jambo?] dan nangka[najka]

Leksikal Tumbuhan dan Hutan

| Bil | Bahasa Melayu | Bahasa Jahut | Simbol Fonetik |
|-----|---------------|--------------|----------------|
| 1 | Sawi | sawi | [sawi] |
| 2 | Salad | salad | [salad] |
| 3 | Tomato | tomato | [tomato] |
| 4 | Terung | terung | [tərūŋ] |
| 5 | Timun | timun | [timun] |
| 6 | Pegaga | pegaga | [pəgaga] |
| 7 | Lada | pigok | [pigo?] |
| 8 | Lobak | lobak | [loba?] |
| 9 | Labu | labuk | [labu?] |
| 10 | Bayam | bayam | [bayam] |
| 11 | Saderi | saderi | [sadəri] |
| 12 | Buah berangan | kesak | [kəsa?] |
| 13 | Salak | bekot | [bəkot] |
| 14 | Petai | petai | [petay] |
| 15 | Rambutan | gentek | [gənte?] |
| 16 | Durian | sempak | [səmpa?] |
| 17 | Cendawan | tes | [tes] |
| 18 | Jagung | jagong | [jagoŋ] |
| 19 | Labu | labuk | [labu?] |
| 20 | Nangka | nangkak | [nangka?] |
| 21 | Rebung | herbong | [hərbəŋ] |
| 22 | Manggis | manggis | [maŋgis] |
| 24 | Jambu | jambok | [jambo?] |
| 25 | Cempedak | cempedak | [cəmpəda?] |
| 26 | Pulasan | nerat | [nərat] |
| 27 | Langsat | langsat | [laŋsat] |
| 28 | Keledek | silak | [sila?] |
| 29 | Keladi | birah | [birah] |
| 30 | Ubi | kiyei | [kiyey] |

| | | | |
|----|---------|---------|----------|
| 31 | Tebu | bos | [bos] |
| 32 | Pisang | ciyek | [ciyəʔ?] |
| 33 | Daun | lak | [laʔ?] |
| 34 | Akar | akar | [akar] |
| 35 | Batang | kereng | [kərəŋ] |
| 36 | Dahan | dahan | [dahan] |
| 37 | Ranting | ranteng | [rantəŋ] |

• Binatang

Binatang juga merupakan sebahagian daripada kehidupan orang asli Jahut. Berdasarkan data-data yang dikumpul, pengkaji mendapati sebahagian besar nama binatang yang wujud menggunakan bahasa asli turun temurun mereka tanpa dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Ini mungkin disebabkan binatang ini terdapat di dalam lingkaran mereka sejak dahulu lagi. Hanya binatang-binatang yang tidak berada dalam lingkaran mereka sahaja yang menggunakan bahasa Melayu sebagai sebutan. Contoh nama-nama binatang yang masih mengekalkan bahasa mereka sendiri ialah harimau [kəlaʔ?], buaya [bahaya?], babi[rap], biawak hutan [prə? bəre?], ayam [pok], landak [baloy], cicak [kə?chek], nyamuk [kəmənt], rusa [sək], beruk [doŋ], kera [doy], semut [les], ulat [talon], kutu [ceʔ?], anjing [cuwək], burung [cem] dan lebah [cambəŋ]. Manakala, nama binatang yang sama dan mirip bahasa Melayu ialah gajah [gajah], singa [siŋə], kucing [kuciŋ], kambing [kambinŋ], lembu [ləmbu], kerbau [kərbau], tenggiling [təŋgiliŋ], angsa [angsə], kura-kura [kuraʔ?], serigala [səgalaʔ?], labi-labi [labiʔ?], kijang [kəjenŋ] dan katak [kəbataʔ?]

Leksikal Binatang

| Bil | Bahasa Melayu | Bahasa Jahut | IPA |
|-----|---------------|--------------|----------------|
| 1 | Harimau | kelak | [kəlaʔ?] |
| 2 | Gajah | gajah | [gajah] |
| 3 | Singa | singe | [siŋə] |
| 4 | Kucing | kucing | [kuciŋ] |
| 5 | Buaya | bahayak | [bahaya?] |
| 6 | Kambing | kambing | [kambinŋ] |
| 7 | Lembu | lembu | [ləmbu] |
| 8 | Kerbau | kerbou | [kərbəw] |
| 9 | Babi | rab | [rab] |
| 10 | Musang | musang | [musanŋ] |
| 11 | Tenuk | tenuk | [tənuʔ?] |
| 12 | Biawak hutan | prek berek | [prə? bəre?] |
| 13 | Tenggiling | prek | [preʔ?] |
| 14 | Zirafah | zirafah | [zirafah] |
| 15 | Monyet | boi | [boy] |
| 16 | Kura-kura | kurak kurak | [kuraʔ kuraʔ?] |
| 17 | Siput | siput | [siput] |
| 18 | Ayam | pok | [pok] |
| 19 | Angsa | angsa | [angsa] |
| 20 | Landak | baloi | [baloy] |
| 21 | Cicak | kekchek | [kə?chek] |
| 22 | Badak sumbu | badak | [badaʔ?] |
| 23 | Beruang | beruang | [beruʷanŋ] |
| 24 | Kuda | kuda | [kuda] |
| 25 | Itik | itik | [itik] |
| 26 | Belalang | belalang | [bəlalanŋ] |
| 27 | Nyamuk | kemet | [kəmət] |
| 28 | Pelanduk | pelandok | [pəlanɔʔ?] |
| 29 | Rusa | sek | [səʔ?] |
| 30 | Kijang | kijeng | [kijenŋ] |
| 31 | Beruk | dong | [dɔŋ] |

| | | | |
|----|---------------|-----------|-------------|
| 32 | Kera | doi | [bɔy] |
| 33 | Siamang | siamang | [si̯māŋ] |
| 34 | Biawak sungai | prek | [pre?] |
| 35 | Kera | boi | [bɔy] |
| 36 | Lutong | buat | [buʷat] |
| 37 | Kancil | pacek | [pace?] |
| 38 | Lipan | kaep | [kaep] |
| 39 | Lipas | lekdekk | [lə?de?] |
| 40 | Kala jengking | Ketip ler | [kətip ler] |
| 41 | Anjing | cuwek | [cuwə?] |
| 42 | Serigala | segalak | [səgala?] |
| 43 | Burung | cem | [cem] |
| 44 | Katak | kebatak | [kəbata?] |
| 45 | Katak puru | lingkong | [lin̩kɔŋ] |
| 46 | Semut | les | [les] |
| 47 | Ular | talon | [talon] |
| 48 | Labi-labi | labik | [labi?] |
| 49 | Tupai | pruwek | [pru wə?] |
| 50 | Ikan | kak | [ka?] |
| 51 | Udang | kecok | [kəcok] |
| 52 | Labah-labah | luwei | [luwəy] |
| 53 | Kutu | cek | [ce?] |
| 54 | Lebah | cambeng | [cambəŋ] |

• Peralatan dan bahagian rumah

Berdasarkan data-data yang diperoleh, masyarakat Jahut juga menggunakan bahasa Jahut dalam kehidupan yang berkaitan dengan peralatan dan bahagian rumah. Contohnya ialah periuk[ku?wəl], senduk[siyo?], pisau[nem], teko[tecoh], sudu[sudu?], mangkuk[maŋkok], garfu[garpu], kuali[kuwali?], baldi[bəldi], penyapu[pəŋapu?], selimut[gəbar], tali ampaian[pənabey], pintu [pintu?], bumbung[nərabon], bilik tidur[nadəm], bilik air [jaman ma?muh], tempat rehat [paroh], rumah [sye?], dan pondok [sənam]. Contoh peralatan dan bahagian rumah yang sama dengan bahasa Melayu pula ialah bakul[bakol], cawan[cawan], gelas [gəlas], jag [jag], meja [məja], kerusi [kerusi], bantal [bantal], katil [katil]. Kesamaan dan kemiripan ini mungkin disebabkan peralatan ini tidak wujud pada zaman nenek moyang mereka dan wujud setelah mereka tidak hidup secara berpindah randah lagi.

Leksikal Peralatan dan Bahagian Rumah

| Bil | Bahasa Melayu | Bahasa Jahut | IPA |
|-----|---------------|--------------|--------------|
| 1 | Bakul | bakol | [bakol] |
| 2 | Cawan | cawan | [cawan] |
| 3 | Gelas | gelas | [galas] |
| 4 | Periuk | kerekwel | [kərə?wəl] |
| 5 | Senduk | siyok | [siyo?] |
| 6 | Pisau | nyemkuen | [nemkuʷən] |
| 7 | Singki | singki | [siŋki] |
| 8 | Teko | tecoh | [tecoh] |
| 9 | Sudu | suduk | [sudu?] |
| 10 | Mangkuk | mangkok | [maŋkok] |
| 11 | Jag | jag | [jag] |
| 12 | Garfu | garpu | [garpu] |
| 13 | Kuali | kuwalik | [kuʷali?] |
| 14 | Baldi | beldi | [bəldi] |
| 15 | Penyapu | penyapuk | [pəŋapu?] |
| 16 | Telefon | telefon | [telefon] |
| 17 | Seterika | seterika | [səterika] |
| 18 | Televisyen | televisyen | [televisyen] |

| | | | |
|----|--------------|--------------|----------------|
| 19 | Radio | radio | [radio] |
| 20 | Jam dinding | jam dinding | [jam dindin̩] |
| 21 | Pelita | pelita | [pəlita] |
| 22 | Cermin | cermin | [cərm̩in̩] |
| 23 | Meja | meja | [meja] |
| 24 | Kerusi | kerusi | [kərusi] |
| 25 | Bantal | bantal | [bantal] |
| 26 | Katil | katil | [katil] |
| 27 | Selimut | soi | [soy] |
| 28 | Kipas | kipas | [kipas] |
| 29 | Tong sampah | tong sampah | [toŋ sampah] |
| 30 | Lampu | lampu | [lampu] |
| 31 | Peti sejuk | peti sejuk | [pəti səju?] |
| 32 | Tali ampaian | penabei | [pənabey] |
| 33 | Kekuda | kekuda | [kəkuda] |
| 34 | Tingkap | tingkap | [tɪŋkap] |
| 35 | Pintu | pintuk | [pintuk] |
| 36 | Bumbung | bumbong | [bumboŋ] |
| 37 | Siling | siling | [siliŋ] |
| 38 | Dinding | dindeng | [dinden̩] |
| 39 | Dapur | dapur | [dapur] |
| 40 | Bilik tidur | nadem | [nadəm] |
| 41 | Bilik air | jaman makmuh | [jaman ma?muh] |
| 42 | Tempat rehat | paroh | [paroh] |
| 43 | Rumah | siek | [siɛ?] |
| 44 | Pondok | senam | [sənam] |
| 45 | Lantai | lantai | [lantay] |
| 46 | Tangga | tanggak | [tanga?] |
| 47 | Tiang | tihang | [tihaj̩] |
| 48 | Parang | Nyem | [nyem] |
| 49 | Lembing | Bulus | [bulus] |
| 50 | Sumpit | Belaou | [bəlaow] |

• Cuaca

Fenomena cuaca terhasil akibat daripada perbezaan suhu di seluruh dunia. Fenomena ini akan terjadi pada bila-bila masa tanpa dijangka. Fenomena yang sering berlaku termasuklah ribut, banjir, kemarau dan lain. Masyarakat orang asli telah melalui perubahan cuaca ini sejak dahulu lagi dan mempunyai bahasa tersendiri untuk menjelaskan sesuatu cuaca. Contohnya, perkataan rebut [mohəŋ], banjir [toba'ah], guruh [karəi], ribut besar [bəruwa?], hujan [mi?], panas [pret], kilat [kilat]

Leksikal Cuaca

| Bil | Bahasa Melayu | Bahasa Jahut | IPA |
|-----|---------------|--------------|-----------|
| 1 | Ribut | mohong | [mohəŋ] |
| 2 | Banjir | tobaah | [tobaah] |
| 3 | Kemarau | kemarau | [kəmaraw] |
| 4 | Mendung | mendung | [mənduŋ] |
| 5 | Guruh | karei | [karey] |
| 6 | Ribut besar | beruwak | [bəruwa?] |

Kesimpulan

Berdasarkan data-data kelas kata bertema dan Swadesh List, pengkaji mendapati bahasa Jahut mempunyai 8 fonem vokal iaitu [i], [e], [ɛ], [a], [ə], [u], [o], [ɔ] berbanding bahasa Melayu. Didapati bahawa tidak semua fonem vokal dalam bahasa Jahut dapat ditemui di semua posisi awal, tengah dan akhir dalam sesuatu kosa kata. Kosa kata daripada data-data tersebut

menunjukkan bahawa fonem vokal belakang [u] sempit tidak hadir pada awal kata tetapi hanya hadir pada tengah kata dan akhir kata. Manakala, fonem vokal [ɛ] tidak hadir pada awal kata dan akhir kata. Manakala, fonem-fonem yang lain di jumpai dalam setiap posisi kata.

Konsonan bahasa pula terdiri daripada 20 fonem iaitu [b], [c], [d], [g], [h], [j], [k], [ʔ], [l], [m], [n], [ŋ], [ɲ], [p], [q], [r], [s], [t], [w], dan [y]. hanya 4 fonem konsonan sahaja yang tidak hadir pada setiap posisi kata iaitu fonem [q], [k], [ʔ] dan [ŋ]. Fonem [q] hanya hadir di posisi akhir kata. Konsonan [k] pula hanya hadir di awal dan akhir kata. Manakala konsonan [ʔ] hadir di tengah dan akhir kata sahaja. Konsonan [ŋ] pula hanya hadir di posisi awal dan tengah kata iaitu [ŋyemkuʷen] (pisau) dan [pəŋapuʔ] (penyapu). Analisis vokal dan konsonan ini menunjukkan bukan semua fonem bahasa Jahut akan hadir di setiap posisi kata dan fonem-fonemnya tidak sama dengan bahasa Melayu.

Bagi aspek leksikal bahasa Jahut, pengkaji menggunakan kosa kata bertema kerana kosa kata ini masih dan selalu digunakan oleh orang asli Jahut. Daripada kosa kata bertema ini pengkaji menemui perbezaan dan persamaan daripada leksikal dan buni bahasa Jahut dengan bahasa Melayu. Pengkaji juga mendapati orang asli Jahut masih mengekalkan bahasa tradisi mereka sendiri. Dalam kosa kata bertema anggota badan khususnya banyak mengekalkan bahasa Jahut sendiri seperti [lamup] (gigi), [ləntaʔ] (lidah), [kənɪŋ] (dahi), [sək] (rambut) dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kosa kata yang telah dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Ini menunjukkan telah berlaku proses dominasi bahasa dan asimilasi bahasa Melayu terhadap bahasa Jahut.

Berpandukan data-data leksikal yang dikutip, masih terdapat lagi kosa kata yang tidak dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Generasi tua dapat mengingati bahasa ibunda mereka dan diperaktikkan sehingga sekarang. Ini membuktikan bahasa Jahut masih kaya dengan kosa kata yang tersendiri tanpa pengaruh bahasa Melayu. Antara kosa kata yang dikenalpasti ialah [kəlaʔ] (hariamau), [pək],(ayam), [mohəŋ] (ribut), [bəruwaʔ] (ribut besar) dan lain-lain lagi. Secara keseluruhannya, bahasa Jahut ini dilihat tidak akan pupus dalam waktu terdekat tetapi perlu diambil perhatian kerana terdapat tanda-tanda dominasi dan asimilasi bahasa Jahut dalam pendidikan dan perkahwinan campur.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (1989). *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1983). *Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa Di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2006). *Bahasa Mah Meri*. Kuala Lumpur. Penerbitan Universiti Malaya.
- David Crystal. (2000). *Language Death*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- David Crystal. (2002). “*Mengapakah Bahasa Mati*. Diterjemah oleh Azizah Md. Hussin dlm. Jurnal Bahasa. Jilid 2. Bil.3, Sept 2002. hlm 309-333. Kuala Lumpur.
- Lamsir Bin Asib (2011). *Faktor Sosiolinguistik dan Hubungannya dengan Pemupusan Bahasa Bajau Samah Di Daerah Kota Belud, Sabah*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Asli Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Kanaq di Johor*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2010). Cacatan RD Favre (M DCCC LXV)- Duluan

- Jurang Komunikasi Melayu-Orang Asli dalam Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya.*
Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Santrol Abdullah. (2016). Etnolinguistik Bahasa Vaie Di Sarawak, Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Paitoon M. Chaiyanara. (2006). *Pengenalan Fonetik Dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skeat, W.W. Blagden, Co. (1906). *Pagan Races Of The Malay Peninsula*. Vol. I & II. London: Micmillan and Co.
- Zainal Abidin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.